

## JAUHI DOSA-DOSA BESAR

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يُضِلِّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

قُلْ إِنِّي أَخَافُ إِنْ عَصَيْتُ رَبِّي عَذَابَ يَوْمٍ عَظِيمٍ ﴿١٥﴾

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَ أَوْصِيكُمْ وَآيَايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah *Subhanahu wa-Taala* dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati dan dirahmati Allah *Subhanahu wa-Taala* di dunia dan akhirat.

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah *Subhanahu wa-Taala*,**

Sebagai manusia, kita tidak pernah terlepas daripada melakukan dosa. Walau bagaimana pun, kita wajib menjauhi daripada melakukan dosa-dosa besar kerana akan memberi kesan terhadap keimanan seseorang muslim. Antara dosa besar ialah

sepertimana sabda Rasulullah *Sallallahu Alaihi Wasallam* dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Tirmizi:

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَلَا أُحَدِّثُكُمْ بِأَكْبَرِ الْكَبَائِرِ قَالُوا بَلَى  
يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ الْإِشْرَاقُ بِاللَّهِ وَعُقُوقُ الْوَالِدَيْنِ قَالَ وَجَلَسَ وَكَانَ مُتَكِنًا  
فَقَالَ وَشَهَادَةُ الزُّورِ أَوْ قَوْلُ الزُّورِ فَمَا زَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ  
يَقُولُهَا حَتَّى قُلْنَا لَيْتَهُ سَكَتَ

Yang bermaksud: *Telah bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: mahukah kamu aku khabarkan tentang sebesar-besar dosa daripada segala dosa? Lalu jawab para sahabat; Benar Ya Rasulullah. Lalu Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda; menyekutukan Allah dengan sesuatu yang lain, menderhakai kedua ibu bapa. Kemudian Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam duduk tegak selepas menyebut kedua-dua dosa itu, padahal baginda duduk sambil menyandar sebelumnya. Lalu baginda bersabda lagi; dan saksi palsu atau perkataan bohong. Maka diulang beberapa kali hingga berkata-kata dalam hati kami, mudah-mudahan baginda berhenti daripada mengulangnya.*

Ketahuiilah bahawa banyak perbuatan yang dikira sebagai dosa besar. Namun dalam hadis yang dibacakan tadi, Nabi *Sallallahu Alaihi Wasallam* hanya menyebut tiga daripadanya iaitu syirik kepada Allah *Subhanahu wa-Taala*. Sebagai contoh percaya kepada bomoh yang sesat, tenung nasib, ramalan bintang, sihir, santau, meminta pertolongan kepada makhluk halus, tangkal dan sebagainya.

Antara dosa besar yang lain adalah menderhakai kedua ibu bapa. Kita wajib mentaati kedua ibu bapa selagi mana mereka tidak menyuruh melakukan perkara yang haram. Firman Allah *Subhanahu wa-Taala* dalam surah al-Isra' ayat 23:

وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا إِمَّا يَبُلُغَنَّ عِنْدَكَ  
الْكِبَرَ أَحَدُهُمَا أَوْ كِلَاهُمَا فَلَا تَقُلْ لَهُمَا آفٍ وَلَا نَهْرَهُمَا وَقُلْ لَهُمَا

قَوْلًا كَرِيمًا ﴿٢٣﴾

Yang bermaksud: *Dan Tuhanmu telah perintahkan, supaya engkau tidak menyembah melainkan kepada-Nya semata-mata, dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa. Jika salah seorang dari keduanya, atau kedua-duanya sekali, sampai kepada umur tua dalam jagaan dan peliharaanmu, maka janganlah engkau berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun perkataan "ah", dan janganlah engkau menengking, menyergah mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia.*

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala,**

Terdapat dalam kalangan kita diuji oleh Allah Subhanahu wa-Taala dengan ujian kehilangan kedua ibu bapa di saat kita masih memerlukan belaian kasih sayang. Baginda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam diuji dengan kehilangan bapanya ketika baginda berada dalam kandungan ibunya. Kemudian ketika baginda berusia 6 tahun, ibu baginda pula meninggal dunia. Baginda hidup menumpang kasih bersama datuknya namun tidak lama. Lalu baginda menumpang kasih bapa saudaranya iaitu Abu Talib.

Adapun dalam kalangan kita ada yang diuji dengan dilanjutkan usia kedua orang tua atau salah seorang daripada mereka sehingga mencecah usia nyanyuk dan berada dalam pemeliharaan kita. Apakah kita mampu berkhidmat dan berbakti kepada mereka sebagaimana mereka memelihara dan membesarkan kita?

Beruntunglah mereka yang berjaya mengharungi ujian ini. Namun ramai yang gagal menghadapinya kerana sibuk dengan urusan masing-masing.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah *Subhanahu wa-Taala*,**

Menjadi saksi palsu juga merupakan dosa besar. Inilah antara perkara yang banyak berlaku dalam masyarakat kita pada hari ini disebabkan kejahilan dan tidak takut hukuman Allah *Subhanahu wa-Taala*. Apabila berlaku sesuatu perkara, lalu diupah seseorang untuk menjadi saksi palsu sehingga sanggup menafikan yang hak. Imam Zahabi Rahimahullah berkata: *Sesungguhnya menjadi saksi palsu itu menyebabkan beberapa dosa besar iaitu berbohong dan melakukan kezaliman kepada mereka yang tidak sepatutnya dan menafikan yang hak.*

Apabila manusia hidup dengan hidayah dan ilmu pengetahuan, maka dunia akan aman tenteram di bawah naungan dan rahmat Allah *Subhanahu wa-Taala*. Begitulah sebaliknya kerana kejahilan akan menyebabkan manusia meringankan perintah Allah, kekufuran kepada Allah, mendurhakai ibu bapa dan penyaksian palsu demi untuk mendapatkan kesenangan dunia yang sementara. Masih belum terlambat untuk kita bersama-sama kembali mentaati perintah Allah dan melaksanakan segala suruhan-Nya serta meninggalkan segala larangan-Nya demi mendapat keredhaan di dunia dan akhirat.

Selain dosa-dosa yang telah dinyatakan tadi, terdapat dosa-dosa yang lain sebagaimana yang dinyatakan oleh Imam az-Zahabi dalam kitabnya al-Kaba ir dosa-dosa besar antaranya terlibat dengan riba, memakan harta anak yatim, menuduh wanita berzina tanpa bukti, membunuh dengan sengaja, berjudi, berzina, meminum arak, liwat , wanita menyerupai lelaki, lelaki menyerupai wanita, merompak, meragut, enggan mengeluarkan zakat, meninggalkan solat lima waktu, membuka aib orang lain, rasuah, pecah amanah dan lain-lain.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

إِنْ تَجْتَنِبُوا كَبَائِرَ مَا نُهَوْنَ عَنْهُ نَكْفَرْ عَنْكُمْ سَيِّئَاتِكُمْ

وَنُدْخِلْكُمْ مَدْخَلًا كَرِيمًا ﴿٣١﴾

Yang bermaksud: *Jika kamu menjauhkan dosa-dosa besar yang dilarang kamu melakukannya, Kami akan ampunkan kesalahan-kesalahan (dosa kecil) kamu, dan Kami akan masukkan kamu ke tempat yang mulia (syurga).*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَتَفَعَّلِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا  
وَأَسْتَغْفِرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.